

Malaysia diugut dikenakan sekatan kerana lantang pertahan Palestin

PM terima ugutan pemimpin Eropah

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM,
JUANI MUNIR ABU BAKAR
dan MASZUREEN HADZMAN
utusannews@mediamulia.com.my

CYBERJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mendedahkan bahawa Malaysia menerima ugutan daripada pemimpin negara Eropah berhubung kelantangan negara mempertahankan Palestin.

Beliau berkata, dalam hal itu, Malaysia tidak sekali-kali patah semangat dan tidak akan menghiraukan sebarang ugutan daripada mana-mana pihak agar sekatan dibuat terhadap negara ini.

"Ada Ahli Parlimen Eropah, kita beri keterangan jelas dengan kenyataan mereka dan ada yang usul langsung... kita usah risau berhubung perkara itu, kita ada urusan kerja," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Karnival Bahasa Kebangsaan dan Dekad Membaca Kebangsaan 2023 di Universiti Multimedia di sini, semalam.

Bersambung di muka 2



Pilu

SEORANG bapa memeluk anaknya yang turut cedera akibat serangan tentera Israel semasa mendapat rawatan di Hospital Nasser di Khan Yunis, selatan Semenanjung Gaza, semalam. - AFP



Sebak

PESERTA perhimpunan Bersama Palestin tidak dapat menahan sebak semasa mengaminkan doa yang dibaca untuk rakyat Palestin di Axiata Arena Bukit Jalil, malam kelmarin. - UTUSAN/AMIN AZMAN

PM terima ugutan pemimpin Eropah

Dari muka 1

Kelmarin, dalam Perhimpunan Malaysia Bersama Palestin di Bukit Jalil, Anwar mengakui menerima banyak ugutan dan teguran oleh negara-negara yang cenderung kepada Israel khususnya Amerika Syarikat (AS).

Perdana Menteri menegaskan, beliau tidak takut dengan ugutan tersebut malah akan terus mempertahankan Palestin selagi diberi mandat sebagai Perdana Menteri di samping menerima sokongan padu oleh seluruh rakyat Malaysia.

Sementara itu, penganalisis politik antarabangsa, Dr. Chandra Muzaffar berkata, Malaysia tidak boleh melakukan 'pusingan U' dalam isu Palestin semata-mata bimbang akan menerima tindak balas AS dan sekutunya apabila negara ini tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada peluang perdagangan, ekonomi dan pelaburan mereka.

Kata beliau, sebaliknya AS dan sekutunya perlu bimbang dengan kemunculan China dan Russia sebagai kuasa besar apatah lagi mereka kini dilihat cenderung kepada Palestin sejak kebelakangan ini.

"Memang tidak dinafikan jika ada negara dan pihak cenderung mempertahankan rakyat Palestin, AS dan negara Barat akan mencari jalan untuk memberi tekanan sama ada daripada segi ekonomi, perdagangan dan teknologi sehingga ada terpaksa tunduk dengan mereka. Tetapi kita juga jarin-



ANWAR Ibrahim pada Majlis Perasmian Karnival Dekad Bahasa Kebangsaan dan Dekad Membaca Kebangsaan di Universiti Multimedia (MMU), Cyberjaya, semalam. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR

gan kerjasama bersama negara lain seperti China.

"Malangnya keadaan kini sebaliknya apabila AS dan sekutunya berhadapan masalah ekonomi dan dalaman sehingga ketinggalan jauh berbanding China dan Russia. Namun, mereka masih berlagak juara kuasa dunia sedangkan sedang melalui masa depan yang malap," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Justeru, Chandra yang juga Presiden Gerakan Keadilan Sedunia (JUST) berkata, Malaysia merupakan sebuah berkecuali dan tidak terikat dengan mana-mana negara sejak 1957 kerana memilih dasar bersahabat dengan semua pihak.

Namun, katanya, semua negara Islam termasuk Malaysia

perlu bersedia menghadapi sebarang tindak balas dan tekanan ekoran kelantangan dalam memperjuangkan nasib rakyat Palestin yang ditindas secara berterusan oleh Zionis.

Mengulas isu sama, Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain berkata, tiada kompromi dalam soal keselamatan membabitkan pemimpin negara ini dan sudah pasti kawalan keselamatan akan dipertingkatkan dari masa ke semasa.

"Dari segi kawalan, kita (PDRM) akan tambah pengawal peribadi bagi memastikan keselamatan beliau sentiasa terjamin. Sudah pasti, kawalan keselamatan terhadap Perdana Menteri menjadi keutamaan kita," katanya.